

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN
(DSK) SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2022
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

TARIKH:

18 JUN 2022 (SABTU)

TEMPAT:

DEWAN KAMPUNG STABUT, SERIAN

Salutation

- 1) Yang Berusaha En. Tuah Suni
Residen Bahagian Serian
- 2) Yang Berusaha Ir. Robin Tigai
General Manager, HSE
Sarawak Energy Berhad
- 3) Yang Berusaha En. Ranum Bari
Pemangku Pegawai Daerah Siburan
Pejabat Daerah Kecil Siburan
- 4) Yang Berusaha En. Saoh Anak Lusek
Ketua Kaum Kampung Stabut
- 5) Wakil-wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri
- 6) Para pegawai dari Sarawak Energy Berhad
- 7) Ketua-ketua kaum, ketua-ketua masyarakat
- 8) Para penduduk Kampung Stabut dan kampung-kampung
berhampiran
- 9) Pengamal media
- 10) Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat menyambut Majlis Pelancaran Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha En. Tuah Suni, Residen Bahagian Serian, kerana kesudian beliau untuk melapangkan masa menghadiri majlis pelancaran program kita pada pagi ini.

3. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) selaku pengajur bersama bagi program DSK pada tahun ini. Ucapan terima kasih saya juga ditujukan kepada penduduk Kampung Stabut di atas sokongan dan kerjasama yang jitu di dalam menjayakan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) pada hari ini.

Yang Berusaha Tuan Residen dan hadirin sekalian,

Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK)

4. Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) telah mewujudkan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang menyasarkan pembinaan 1,000 kilometer (km) denai pada 2023 dan 10,000 km pada 2030. Melalui DSK, rizab sungai akan dibangunkan sebagai kawasan rekreasi yang antara lain bertujuan meningkatkan tahap kesedaran komuniti setempat, selain mewujudkan perkongsian tanggungjawab antara semua pihak, termasuk sektor korporat/swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

5. Saban hari, pelbagai berita mengenai pencemaran sisa di kawasan sungai dilaporkan, terutama di kawasan industri dan perumahan. Dalam menangani isu tersebut, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berpandangan bahawa kaedah mengatasi masalah pencemaran di punca (control at source) ialah langkah paling berkesan, dan maka itulah Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) diperkenalkan bagi menjaga kelestarian sungai, sekali gus menjamin sumber air negara pada masa akan datang.

Yang Berusaha Tuan Residen dan hadirin sekalian,

Objektif DSK

6. Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) ialah program yang dirangka dengan strategi tindakan pencegahan pencemaran melalui pendekatan kawalan di punca penyelesaian secara *nature-based*. Di antara objektif program DSK ini adalah :
- i. Memastikan kelestarian dan keindahan sungai, sekali gus mengawal aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran;
 - ii. Mewujudkan rasa pertanggungjawaban bersama (shared responsibility) dikalangan pelbagai pihak;
 - iii. Menggalakkan aktiviti berdasarkan alam (nature based activities) di kalangan komuniti setempat; dan
 - iv. Merangsang aktiviti yang berteraskan ekonomi seperti ekopelancongan sungai (river ecotourism).

Pelaksanaan DSK

7. Bagi menjayakannya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengenal pasti beberapa sungai tertentu di setiap negeri yang didapati sesuai untuk program DSK diadakan. Melalui program DSK ini juga, JAS akan melaksanakan program pemantauan kualiti air sungai secara *in-situ* dan *ex-situ*. Keputusan analisa kimia secara *ex-situ* akan diterjemahkan dalam bentuk Water Quality Index (Indeks Kualiti Air) bagi menentukan kategori sungai berkenaan sebagai Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar, dan akan dimaklumkan kepada JKKK Kampung Stabut.

Yang Berusaha Tuan Residen dan hadirin sekalian,

KUALITI AIR SUNGAI 2020

8. Di Sarawak terdapat 117 buah stesen pengawasan kualiti air sungai manual dan 2 buah stesen pengawasan kualiti air sungai automatik yang memantau 62 batang sungai yang terdiri daripada 22 lembangan sungai. Pada tahun 2020, sejumlah 702 persampelan dilaksanakan dan dianalisis, daripada keputusan pengawasan tersebut, sebanyak 48 (77.42%) batang sungai dikategorikan dalam kategori bersih, 14 (22.58%) batang sungai lagi dikategorikan sebagai sederhana tercemar manakala tiada sungai dikategorikan sebagai tercemar. Justeru, DSK diilhamkan sebagai jambatan ke arah usaha melestarikan sungai sebagai nadi kehidupan, dan dilaksanakan menerusi peranan komuniti setempat yang cintakan alam sekitar.

9. Majlis Pelancaran pada hari ini dan Majlis Penutupan program DSK pada bulan Oktober nanti akan dijadikan “signature event” kepada sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022 dan sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022 dengan harapan ianya menjadi titik tolak kepada kejayaan program ini. Kejayaan kempen ini tidak hanya bergantung kepada pembabitan Rakan Alam Sekitar (RAS) selaku kumpulan teras pelaksanaan program ini tetapi penglibatan Rakan Strategik amat perlu bagi perkongsian idea dan sumber bagi menzahirkan program dan seterusnya mencapai matlamat yang telah disasarkan di dalam program ini.

10. Walaupun DSK ialah inisiatif kerajaan, namun badan korporat, NGO dan komuniti setempat akan menjadi peneraju dengan menjadikan kawasan denai terpilih sebagai ‘anak angkat’ dan menjayakan pelbagai aktiviti pengindahan dan penyelenggaraan, sekali gus meningkatkan kesedaran dalam kalangan khalayak. Dengan adanya program sebegini, semangat dan rasa tanggungjawab bersama dan rasa kepunyaan (sense of belonging) semua pihak dapat dipertingkat, sekali gus menghalang perbuatan pihak tidak bertanggungjawab menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sisa.

Yang Berusaha Tuan Residen dan hadirin sekalian,

PENUTUP

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berusaha En. Tuah Suni, Residen Bahagian Serian di atas kesudian tuan untuk hadir merasmikan majlis pelancaran program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Sarawak Energy Berhad, JKKK Kampung Stabut, agensi/jabatan kerajaan, dan para penduduk dan pihak media yang melapangkan masa untuk hadir pada hari ini.

Sekian, Terima kasih.